

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

(a) untuk mengelakkan penyalahgunaan proses pengundian POS, sembilan (9) agensi Kerajaan yang telah disenaraikan layak menjadi pengundi POS dalam Pendaftar Pemilih Terkini sepatutnya dibatal dan dipindahkan sebagai 'Pengundi Awal melalui proses Pengundian secara biasa' dan juga dipantau oleh wakil calon-calon pilihan raya akan datang ini; dan

(b) bahawa SPR juga menghalang penggunaan telefon bimbit dalam Bilik Pengundian pada PRU/PRN akan datang.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mendaftarkan anggota yang terlibat sebagai pengundi awal tidak dapat dilaksanakan pada masa ini disebabkan memerlukan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 bagi memasukkan peruntukan mengenai pengundian awal.

Mengenai larangan penggunaan telefon bimbit di dalam Tempat Mengundi, ianya telah dilaksanakan sejak Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 dan larangan tersebut masih dikekalkan.

Sekian, terima kasih.